BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

No. Ruj.: 11/08/08

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 pada hari Jumaat, 28 November 2008

Perkembangan Monetari dan Kewangan Oktober 2008
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Memandangkan risiko pertumbuhan yang lebih rendah semakin nyata dan tekanan inflasi semakin berkurang, Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) dikurangkan sebanyak 25 mata asas pada 24 November sebagai langkah awalan yang bertujuan untuk menyediakan persekitaran monetari yang lebih akomodatif.

- Bagi mengurangkan lagi kos pengantaraan, Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) juga dikurangkan daripada 4% kepada 3.5% berkuat kuasa 1 Disember 2008.

- Mudah tunai dalam sistem kewangan dalam negeri masih lagi lebih daripada mencukupi, seperti ditunjukkan oleh nisbah pembiayaan-deposit dan pinjaman-deposit yang akomodatif.

- Institusi kewangan mempunyai mudah tunai yang mencukupi untuk membiayai aktiviti pemberian pinjaman mereka. Pembiayaan bersih kepada sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta terkumpul berkembang pada kadar pertumbuhan yang mapan sebanyak 13.4% pada bulan Oktober. Pada akhir bulan Oktober, jumlah pinjaman terkumpul berkembang 10.3% pada kadar tahunan.

- Inflasi menjadi sederhana kepada 7.6% pada bulan Oktober, terutamanya disebabkan oleh penurunan harga bahan api oleh Kerajaan. Inflasi dijangka terus sederhana memandangkan terdapat trend menurun dalam harga bahan api global dan dalam negeri.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

No. Ruj.: 11/08/08

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 pada hari Jumaat, 28 November 2008

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN OKTOBER 2008

Pada bulan Oktober, pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta terus tinggi pada RM57.1 bilion. Pada asas bersih, pembiayaan kepada sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang pada kadar pertumbuhan yang mapan sebanyak 13.4%. Jumlah pinjaman terkumpul berkembang 10.3% pada kadar tahunan pada akhir bulan Oktober.

Pada tempoh 1 Oktober hingga 24 November, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 3.49% - 3.51%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain secara relatif stabil. Berikutan pengurangan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) kepada 3.25% pada 24 November, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman juga lebih rendah dalam julat kecil 3.24% hingga 3.25% pada tempoh 25 hingga 27 November. Pada 15 November, kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) disebut purata bagi tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan berada dalam julat 3.08% dan 3.70%. Bagi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata tidak berubah pada 6.72%, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) meningkat kepada 6.01% pada bulan Oktober.

Pada tempoh 1 Oktober hingga 27 November 2008, ringgit menyusut nilai sebanyak 4.5% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS). Ringgit dan juga kebanyakan mata wang lain terus terjejas oleh proses pembayaran balik hutang dan penghindaran risiko yang lebih ketara di tengah-tengah kegawatan dalam pasaran kewangan global. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menambah nilai berbanding dengan paun sterling (11.8%) dan euro (6.1%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-12.8%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menyusut nilai berbanding dengan renminbi China (-4.7%), peso Filipina (-1.2%) dan baht Thailand (-0.8%) tetapi menambah nilai berbanding dengan mata wang serantau lain dalam julat 0.9% hingga 24.1%.

Inflasi menjadi sederhana kepada 7.6% pada bulan Oktober, terutamanya disebabkan oleh penurunan harga bahan api oleh Kerajaan. Inflasi dijangka terus sederhana memandangkan terdapat trend menurun dalam harga bahan api global dan dalam negeri.

Wang secara luas atau M3 bertambah pada kadar tahunan 11.5% pada bulan Oktober. Kesan pengembangan kredit yang lebih ketara terhadap sektor swasta telah diimbangi oleh kesan penguncupan aliran keluar asing bersih dan juga operasi Kerajaan.

Nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih sistem perbankan stabil pada 2.4%. Permodalan sistem perbankan terus berada pada tahap kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) pada 12.6%.

Kadar antara bank menurun berikutan pengurangan dalam Kadar Dasar Semalaman

Pada tempoh 1 Oktober hingga 24 November, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 3.49% - 3.51%. Kadar antara bank semalaman bagi tempoh matang lain juga secara relatif stabil. Berikutan pengurangan dalam Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) kepada 3.25% pada 24 November, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman juga lebih rendah dalam julat kecil 3.24% hingga 3.25% pada tempoh 25 hingga 27 November.

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata bank perdagangan tidak berubah pada bulan Oktober. Pada 15 November, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan 1 hingga 12 bulan berada dalam julat 3.08% dan 3.70%.

Bagi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata tidak berubah pada 6.72%, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) meningkat kepada 6.01% pada bulan Oktober (5.96% pada bulan September).



Kadar antara bank semalaman purata lebih rendah berikutan pengurangan dalam OPR



Kadar antara bank lain juga lebih rendah berikutan pengurangan dalam OPR



BNM menyuntik mudah tunai ke dalam pasaran antara bank pada bulan Oktober



ALR bank perdagangan menunjukkan trend meningkat pada bulan Oktober



Nisbah pembiayaan-deposit dan pinjaman-deposit terus menunjukkan trend meningkat

Kadar FD purata tidak berubah



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Sep 08	3.08	3.14	3.28	3.36	3.70
Okt 08	3.08	3.14	3.28	3.36	3.70
15 Nov 08	3.08	3.14	3.28	3.36	3.70

Kadar FD benar negatif lebih kecil berikutan inflasi yang lebih rendah



Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS

Pada tempoh 1 Oktober hingga 27 November 2008, ringgit menyusut nilai sebanyak 4.5% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS). Ringgit dan juga kebanyakan mata wang lain terus terjejas oleh proses pembayaran balik hutang dan penghindaran risiko yang lebih ketara di tengah-tengah kegawatan dalam pasaran kewangan global. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menambah nilai berbanding dengan paun sterling (11.8%) dan euro (6.1%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-12.8%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menyusut nilai berbanding dengan renminbi China (-4.7%), peso Filipina (-1.2%) dan baht Thailand (-0.8%) tetapi menambah nilai berbanding dengan mata wang serantau lain dalam julat 0.9% hingga 24.1%.



Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS dan yen Jepun tetapi menambah nilai berbanding dengan euro dan paun sterling…



...dan mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 07	Sep 08	Okt 08	27 Nov 08	Akhir Dis 07 - 27 Nov 08	Akhir Sep 08 - 27 Nov 08
Dolar AS	3.3065	3.4575	3.5625	3.6200	-8.7	-4.5
Euro	4.8756	4.9636	4.5794	4.6774	4.2	6.1
Paun sterling	6.6070	6.2254	5.8382	5.5663	18.7	11.8
100 yen Jepun	2.9534	3.3154	3.6127	3.8039	-22.4	-12.8
Dolar Singapura	2.2938	2.4153	2.4050	2.3948	-4.2	0.9
100 baht Thailand	9.8159	10.154	10.171	10.239	-4.1	-0.8
100 peso Filipina	8.0158	7.3159	7.2767	7.4029	8.3	-1.2
100 rupiah Indonesia	0.0352	0.0367	0.0325	0.0296	19.2	24.1
100 won Korea	0.3532	0.2846	0.2787	0.2440	44.8	16.7
Renminbi China	0.4527	0.5051	0.5210	0.5300	-14.6	-4.7

Inflasi menjadi sederhana

Inflasi menjadi sederhana kepada 7.6% pada bulan Oktober (September: 8.2%), terutamanya disebabkan oleh penurunan harga bahan api oleh Kerajaan. Harga dalam kategori *pengangkutan* meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 13.9% pada bulan Oktober (September: 18.1%). Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman tidak beralkohol* juga menurun kepada 12.1% (September: 12.3%). Inflasi dijangka terus sederhana memandangkan terdapat trend menurun dalam harga bahan api global dan dalam negeri.

Inflasi menjadi sederhana kepada 7.6% pada bulan Oktober





Inflasi harga pengeluar menjadi lebih sederhana pada bulan September

Inflasi indeks harga pengeluar (IHPR) menjadi sederhana kepada 8.7% pada bulan September (Ogos: 11.3%). Inflasi bagi komponen IHPR berasaskan komoditi terus menurun kepada 24.2% (Ogos: 34.0%) sejajar dengan trend menurun harga komoditi global. Bagi komponen IHPR bukan berasaskan komoditi, inflasi menurun sedikit kepada 2.5% (Ogos: 2.6%).

Dari segi komposisi, kadar inflasi dalam komponen IHPR tempatan menjadi sederhana kepada 11.8% pada bulan September (Ogos: 15.0%). Harga dalam komponen IHPR diimport juga meningkat pada kadar yang lebih perlahan iaitu 2.8% (Ogos: 4.0%).



Agregat monetari bertambah pada asas tahunan

Pada bulan Oktober, wang secara luas atau M3 bertambah pada kadar tahunan 11.5%. Pada bulan itu, kesan pengembangan kredit yang lebih ketara terhadap sektor swasta telah diimbangi oleh kesan penguncupan aliran keluar asing bersih dan juga operasi Kerajaan.



Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Jul 08	**Ogos 08**	**Sep 08**	**Okt 08**
M3	13.6	-8.1	8.2	-12.4
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	8.5	-4.7	10.8	-3.8
Tuntutan ke atas sektor swasta	8.4	16.2	8.8	4.7
Pinjaman	*7.7*	*12.9*	*5.1*	*1.6*
Sekuriti	*0.7*	*3.2*	*3.7*	*3.1*
Aset luar bersih *	-6.7	-22.3	-28.8	-22.1
Pengaruh lain	3.4	2.7	17.5	8.9

* Sebelum penilaian semula
M3 telah disemak semula untuk mengambil kira "lain-lain deposit" bermula Disember 1999. Sebelum itu ianya tidak termasuk dalam pengiraan M3.

Deposit sistem perbankan lebih rendah pada bulan Oktober

Jumlah deposit dengan sistem perbankan berkurang sebanyak RM8.7 bilion (September: +RM9.1 bilion), terutamanya disebabkan oleh aliran keluar dana portfolio pada bulan Oktober. Pertumbuhan tahunan deposit juga lebih sederhana pada 10.9% (September: 13.0%). Mengikut penyimpan, deposit yang lebih rendah mencerminkan terutamanya pengeluaran oleh institusi kewangan bukan bank domestik (domestic non-bank financial institutions, DNBFI), yang diklasifikasikan di bawah kategori institusi kewangan. Mengikut jenis, pengurangan dalam deposit adalah terutamanya dalam bentuk deposit pasaran wang jangka pendek yang termasuk dalam kategori *deposit lain*, serta deposit permintaan dan perjanjian beli balik.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jul 08	**Ogos 08**	**Sep 08**	**Okt 08**
Kerajaan Persekutuan	-1,801	2,435	-1,533	-854
Kerajaan Negeri	-43	799	-837	-111
Badan Berkanun [1]	-825	-1,171	-305	617
Institusi Kewangan	722	-1,441	10,998	-7,116
Perusahaan Perniagaan	9,632	-9,527	-5,528	-1,044
Individu	2,793	1,507	4,701	356
Lain-lain [2]	-568	245	1,623	-530
Jumlah	9,909	-7,152	9,118	-8,682

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jul 08	**Ogos 08**	**Sep 08**	**Okt 08**
Deposit tetap	-504	691	2,390	3,686
NID	-1,747	-1,836	5,252	-532
Deposit permintaan	-866	-778	260	-3,057
Deposit tabungan	446	69	820	-593
Perjanjian beli balik (Repo)	-142	-1,259	779	-2,661
Deposit mata wang asing	466	1,889	1,080	837
Deposit SPI	-1,171	3,630	-1,540	651
Lain-lain[1]	13,427	-9,559	78	-7,013
Jumlah	9,909	-7,152	9,118	-8,682

1/ Lain-lain deposit merangkumi terutamanya deposit jangka pendek

Pembiayaan kasar sektor swasta kekal tinggi pada bulan Oktober

Pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta daripada sistem perbankan dan pasaran modal terus tinggi pada RM57.1 bilion pada bulan Oktober (September: RM60.8 bilion). Pada asas bersih, pembiayaan kepada sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar yang mapan sebanyak 13.4% (September: 13.4%). Pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan adalah masih menyeluruh, dengan sebahagian besar daripadanya disalurkan kepada sektor perkilangan; perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel; dan kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan.

Pembiayaan ekonomi terus mampan

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



[1] Tidak termasuk terbitan pelabur asing



Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Pertumbuhan Tahunan (%)	
	Sep-08	Okt 08	Sep-08	Okt 08
Jumlah				
Permohonan pinjaman	40.1	35.6	-5.8	-7.9
Kelulusan pinjaman	23.0	20.0	-2.9	-14.4
Pengeluaran pinjaman	55.1	52.6	9.1	8.2
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	5.3	2.6	10.6	10.3
Perusahaan perniagaan				
Permohonan pinjaman	20.5	18.7	-17.2	-2.5
Kelulusan pinjaman	10.9	9.1	-17.9	-26.4
Pengeluaran pinjaman	39.2	38.3	8.7	16.5
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.0	-0.2	9.5	8.8
PKS[2/]				
Permohonan pinjaman	9.7	7.3	-0.4	-8.7
Kelulusan pinjaman	3.8	3.7	-29.8	-12.6
Pengeluaran pinjaman	14.2	13.5	18.1	11.4
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	-0.9	0.3	11.0	10.5
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	19.6	16.8	9.8	-13.3
Kelulusan pinjaman	12.1	10.8	16.2	-0.8
Pengeluaran pinjaman	15.9	14.2	10.1	-9.4
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	3.6	1.6	9.1	8.9

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu



Pengeluaran pinjaman masih menyeluruh

Jumlah pinjaman terkumpul pada akhir bulan Oktober meningkat pada kadar tahunan 10.3% (akhir September: 10.6%). Mengikut pelanggan, pinjaman terkumpul sektor perniagaan dan sektor isi rumah meningkat masing-masing pada kadar pertumbuhan tahunan 8.8% dan 8.9% (akhir September: masing-masing 9.5% dan 9.1%).

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal lebih tinggi

Pada bulan Oktober, dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal berjumlah RM9.4 bilion. Dana bersih yang diperoleh sektor awam adalah terutamanya daripada Terbitan Pelaburan Kerajaan 10 tahun berjumlah RM7.5 bilion. Dalam sektor swasta, dana kasar yang diperoleh berjumlah RM4.4 bilion. Sejumlah besar dana diperoleh daripada pasaran PDS, terutamanya oleh syarikat dalam sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan; pembinaan; dan elektrik, gas dan air. Selepas membuat penyelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM1.9 bilion.



KLCI merosot pada bulan Oktober sejajar dengan pasaran serantau lain

Pada bulan Oktober, KLCI ditutup lebih rendah pada 863.6 mata (sejak akhir September: -15.2%) sejajar dengan kemerosotan pasaran serantau lain. Prestasi lemah pasaran dalam negeri disebabkan oleh kebimbangan terhadap ekonomi global. Jangkaan pendapatan syarikat yang rendah pada suku ketiga dan keempat juga menjejaskan sentimen pasaran. Permodalan pasaran menurun kepada RM655.3 bilion (sejak akhir September: -15.0%), sementara urus niaga purata harian meningkat kepada 686.6 juta unit (September: 408.9 juta unit).



KLCI merosot pada bulan Oktober

Pada 27 November, KLCI ditutup lebih tinggi pada 870.0 mata (sejak akhir Oktober: 0.7%). Permodalan pasaran secara keseluruhan lebih tinggi pada RM659.3 bilion (sejak akhir Oktober: 0.6%) dan urus niaga purata harian meningkat kepada 753.6 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM345.5 bilion (bersamaan dengan USD100.2 bilion) pada 31 Oktober 2008. Pada 14 November 2008, rizab antarabangsa berjumlah RM343.8 bilion (bersamaan dengan USD99.7 bilion). Paras rizab ini memadai untuk membiayai 8.1 bulan import tertangguh dan ialah 3.7 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Nota: Mulai akhir bulan Mac 2008, hutang luar negeri jangka pendek merujuk kepada takrifan baharu hutang luar negeri, dengan mengambil kira entiti luar pesisir di Labuan IBFC sebagai pemastautin

Pinjaman tak berbayar stabil dalam keadaan permodalan yang kukuh

Pinjaman tak berbayar terus stabil pada bulan Oktober. Nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih sistem perbankan stabil pada 2.4% disebabkan oleh kutipan semula pinjaman yang berterusan dan pengelasan semula NPL kepada pinjaman berbayar. Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing pada 12.6% dan 10.3%. RWCR rendah sedikit kerana penurunan sebanyak 1.7% dalam modal asas disebabkan oleh pelaburan yang besar oleh sebuah institusi perbankan dalam beberapa buah subsidiari.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	2000	2001	2002	2003	2004	2006	2007	Ogos 08	Sep 08	Okt 08
Modal (%) **										
Nisbah modal teras	11.1	11.1	11.1	11.4	10.7	10.7	10.2	10.6	10.5	10.3
RWCR	13.0	13.2	13.8	14.4	13.7	13.5	13.2	13.2	13.0	12.6
NPL bersih (klasifikasi 3 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	11.5	10.2	8.9	7.5	5.8	4.8	3.2	2.5	2.4	2.4
Jumlah (RM juta)	46,254	43,110	40,013	36,668	31,332	27,360	20,011	17,187	16,660	16,878
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (3 bulan, %)	2.1	2.1	2.0	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7	1.7

* Jadual ini termasuk bank-bank Islam.
** Mulai Mac 2008, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras mengambil kira institusi perbankan yang menerima pakai pendekatan standard di bawah Basel II



Permodalan sistem perbankan terus kukuh …



…dan paras NPL terus rendah

Bank Negara Malaysia
28 November 2008

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Ogos 08		Sep 08		Okt 08	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		69.3	12.1	73.6	16.9	69.5	16.0
M1		174.5	13.1	179.7	14.9	172.7	8.6
M2		872.5	14.7	883.5	15.6	870.8	13.3
M3		904.6	12.8	912.8	13.5	900.4	11.5
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		933.1	12.5	942.2	13.0	933.5	10.9
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		707.5	11.0	712.7	10.6	715.3	10.3
Nisbah pinjaman-deposit (%)		74.5		74.3		75.3	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		82.3		82.2		83.3	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		52.3	25.5	40.1	-5.8	35.6	-7.9
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		29.1	15.4	23.0	-2.9	20.0	-14.4
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		55.4	14.9	55.1	9.1	52.6	8.2
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		46.1	9.3	50.6	24.5	49.9	12.6
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.2		13.0		12.6	
NPL bersih: Klasifikasi 3 bulan (%)		2.5		2.4		2.4	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		400.2		379.3		345.5	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		122.6		109.7		100.2	
Bilangan bulan import tertangguh		9.5		8.9		8.1	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.50		3.50		3.50	
Antarabank:	Semalaman	3.49 [3.49]		3.49 [3.50]		3.49 [3.50]	
	Seminggu	3.52 [3.52]		3.52 [3.52]		3.52 [3.52]	
	1 bulan	3.56 [3.56]		3.57 [3.56]		3.57 [3.57]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.08		3.08		3.08	
	3 bulan	3.14		3.14		3.14	
BLR bank perdagangan		6.72		6.72		6.72	
ALR bank perdagangan		5.98		5.96		6.01	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100)		114.9	8.5	114.7	8.2	114.2	7.6
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (2000=100)		146.4	11.3	145.5	8.7	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.3895		3.4575		3.5625	
Euro		4.9971		4.9636		4.5794	
Paun Sterling		6.2079		6.2254		5.8382	
100 Yen Jepun		3.1065		3.3154		3.6127	
Dolar Singapura		2.3937		2.4153		2.4050	
100 Baht Thailand		9.915		10.1542		10.1713	
100 Peso Filipina		7.3837		7.3159		7.2767	
100 Rupiah Indonesia		0.0370		0.0367		0.0325	
100 Won Korea		0.3116		0.2846		0.2787	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	3.5		2.8		7.5	
	swasta	3.5		1.4		1.9	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		1,100.5		1,018.7		863.6	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		833.5		770.5		655.3	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.